



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	8 June 2015

## Pihak ketiga tidak boleh selesaikan kemelut

um-8/6/2015

**KUALA LUMPUR 7 Jun** - Keme-  
lut yang tercetus antara Perdana  
Menteri, Datuk Seri Najib Tun  
Razak dan bekas Perdana Men-  
teri, Tun Dr. Mahathir Mohamad  
tidak boleh diselesai-  
kan dengan campur  
tangan pihak ketiga.

Sebaliknya, Ketua  
Pergerakan Pemuda  
UMNO, Khairy Jama-  
lauddin menegaskan,  
sebarang perbincangan  
antara kedua-dua  
pemimpin tersebut  
perlu dilakukan me-  
nerusi pertemuan em-  
pat mata, tanpa meli-  
batkan pihak lain.

"Saya rasa tiada  
pihak ketiga yang boleh menyele-  
saikan kemelut ini.

"Kalau sekiranya hendak di-  
adakan perbincangan antara Dr.  
Mahathir dan Najib, saya rasa  
mereka dapat buat secara empat  
mata, tidak perlu pihak ketiga,"  
katanya.

Beliau berkata demikian ke-  
pada pemberita selepas melawat  
gerai pameran pada Art of Speed  
2015 di Taman Ekspo Pertanian  
Malaysia (Maeps) dekat sini hari  
ini.

Berhubung isu berkaitan,  
Khairy yang juga Menteri Belia  
dan Sukan berkata, kerajaan tidak  
mempunyai masalah sekiranya  
prosiding Jawatankuasa Kira-Kira

Wang Negara (PAC) melibatkan  
1Malaysia Development Berhad  
(1MDB) disiarkan secara langsung  
di televisyen.

Malah kata beliau, Menteri  
Komunikasi dan  
Multimedia, Datuk  
Seri Ahmad Shabery  
Cheek sebelum ini  
pernah mencadang-  
kan perkara tersebut.

"Namun begitu,  
semua ini adalah (ber-  
gantung kepada) kepu-  
tusan Yang Dipertuan  
Dewan Rakyat yang  
perlu setuju. Kalau  
tidak, kita tidak boleh  
buat di bawah Akta  
Parlimen," katanya.

Berhubung cadangan Ketua  
Pegawai Eksekutif Gerakan Ke-  
sederhanaan Global (GMM), Da-  
tuk Saifuddin Abdullah supaya  
Najib dan Dr. Mahathir tampil  
pada prosiding PAC tersebut,  
Khairy berkata, biarlah sesi terse-  
but disertai oleh mereka yang  
mempunyai kaitan dengan isu  
1MDB sahaja.

"Sesiapa yang dipanggil itu  
mestilah ada kaitan dengan isu  
prosiding, contohnya cadangan  
memanggil Dr. Mahathir, be-  
liau tiada kena mengena dengan  
1MDB.

"Dalam PAC, mereka hanya da-  
pat panggil sesiapa yang terlibat  
dengan 1MDB," kata beliau.



**KHAIRY JAMALUDDIN**